

Penaja tanggung kos pelajar terkandas di luar negara

Kuala Lumpur: Kos kehidupan harian penuntut Malaysia yang tamat pengajian, tetapi terkandas di luar negara akibat penularan COVID-19, akan ditanggung sepenuhnya oleh penaja masing-masing.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan, melalui penaja penuntut terbabit, bersetuju untuk menanggung semua kos meliputi sewa rumah dan makan minum.

Justeru, beliau berkata, pelajar yang berjaya menamatkan pengajian, tetapi masih berada di luar negara, tidak perlu bimbang mengenai kebajikan hidup mereka.

“Kerajaan bersetuju menerusi penaja mereka seperti MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan PETRONAS, untuk menanggung pelajar yang masih berada di luar negara.

“Mereka ini adalah yang sudah tamat pengajian, namun tidak boleh atau tidak mampu untuk pulang ke Malaysia, justeru kita akan membantu.

“Kos tempat tinggal, iaitu sewa rumah, dan makan minum mereka akan kita tanggung,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai PKP, di Putrajaya, semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata, kerajaan mengalu-alukan ejen atau syarikat swasta yang ingin menghulurkan bantuan untuk membawa pulang rakyat Malaysia dari luar negara.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, mereka perlu mendapatkan kerjasama daripada agensi



Ismail Sabri pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai PKP, di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum berbuat demikian.

“Ikut prosedur ditetapkan kerajaan, namun saya ingin menekankan bahawa semua yang mendarat di Malaysia sama ada menerusi jalan darat, udara atau air, akan dihantar terus ke pusat kuarantin,” katanya.

Menyedari kegusaran segelintir rakyat Malaysia berdepan pandemik COVID-19 ketika berada di perantaraan, Ismail Sabri berkata, kerajaan menasihati mereka supaya terus kekal berada di negara berkenaan berikutan mungkin ada sekatan tertentu di sana.

Beliau berkata, ia kerana setengah negara luar mempunyai

prosedur ketat untuk membawa keluar mana-mana individu ketika krisis penularan COVID-19 yang semakin meruncing.

“Kita pernah membawa penuntut dari Mesir balik ke Malaysia menerusi Brunei, justeru tidak timbul isu mereka tidak boleh pulang, sama ada dari United Kingdom atau Amerika Syarikat.

“Namun, di sana mungkin ada sekatan, justeru mereka perlu patuh kepada peraturan di negara terbabit.

“Ini sekadar nasihat, kita meminta mereka kekal di sana. Apapun, jika mereka balik, semuanya akan dikuarantin,” katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kedutaan asing di Malaysia mesti mengambil tanggungjawab

memastikan rakyat mereka yang berada di negara ini mendapat bekalan makanan mencukupi.

Beliau ketika menegaskan perkara itu bagaimanapun berkata, kerajaan bersedia untuk tampil menghulurkan kerjasama seperti menguruskan aspek pembelian makanan untuk rakyat asing yang berada di negara ini.

Selain itu, katanya, rakyat asing yang berada di negeri berkaitan dan berdepan masalah mendapat bekalan makanan sewajarnya membuat laporan kepada Jawatankuasa Bencana Daerah.

“Untuk mereka yang berada di Kuala Lumpur, mereka boleh hubungi Pusat Pengurusan Krisis menerusi kawal selia Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Isu berkaitan warga asing ini sepatutnya pihak kedutaan masing-masing mengambil tanggungjawab dan kita akan selaraskan apa usaha selanjutnya yang perlu dilakukan,” katanya.

Ismail Sabri turut memberi jaminan, kerajaan akan membantu segenap lapisan masyarakat di negara ini mengharungi pandemik COVID-19, termasuk warga asing. Jaminan untuk tidak meringgirkan hal ehwal dan kebajikan manusia itu turut diberikan kepada ribuan pelarian yang mencari perlindungan di Malaysia.

“Kita tidak akan benarkan rakyat asing sekali pun kelaparan waktu PKP, tetapi pihak kedutaan masing-masing perlu tampil menggalas tanggungjawab mereka.

“Kerajaan akan tolong mana yang perlu,” katanya.

Sementara itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi

kenyataannya semalam menyebutkan, kerajaan akan melaksanakan usaha, menerusi kerjasama agensi berkaitan untuk membawa pulang individu dikategorikan sebagai ‘rakyat Malaysia yang terkandas’ di luar negara.

Individu yang terkandas merujuk kepada warganegara Malaysia yang kebetulan berada di luar negara bagi tujuan kerja, urusan keluarga, bercuti, atau sebarang sebab berkaitan dan ia mencakupi golongan penuntut universiti.

“Wisma Putra dengan kerjasama pelbagai agensi, termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kewangan dan semua Perwakilan Malaysia di luar negara akan menjalankan usaha membawa pulang mereka ke Malaysia.

“KPT ingin menasihatkan supaya semua pelajar sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan diri, bertenang dan tidak panik.

“Sila berhubung dengan wakil Education Malaysia dan Wisma Putra di negara pengajian masing-masing jika ada sebarang masalah atau penjelasan yang diperlukan,” katanya, semalam.

Meskipun semua penuntut diminta untuk terus kekal berada di negara pengajian masing-masing, KPT menjelaskan sebarang hasrat pulang ke Malaysia adalah tanggungjawab mereka dan keluarga.

Selain itu, kementerian meminta supaya hasrat sedemikian dimaklumkan kepada wakil Education Malaysia dan kedutaan di negara pengajian mereka.